



LEMBAGA PELABUHAN KELANG
(PORT KLANG AUTHORITY)
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel: 603-3168 8211
Fax: 603-3168 9117
603-3168 8228
603-3168 8229
603-3167 0211

Web: <http://www.pka.gov.my>

Email: onestopagency@pka.gov.my

MS ISO 9001 : 2015 REG.NO: AR3579

(JABATAN ZON BEBAS & JABATAN DAGANGAN BERBAHAYA)

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh :

LPK:PB/600-4/1 Jld. 3 (8)

22 Januari 2021

KEPADA SEMUA SYARIKAT HAULIER

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG NO. 4/2021

LANGKAH – LANGKAH MENGATASI KESESAKAN DI TERMINAL NORTHPORT

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana sedia maklum, Terminal Northport telah mengalami kesesakan di dermaga, yad dan get masuk. Ini adalah akibat daripada pertambahan bilangan kapal dan ketibaan kapal secara serentak selain dari jumlah kendalian yang tinggi menyebabkan penggunaan kapasiti yad yang tinggi buat masa ini. Kesesakan di get pula berlaku akibat dari kesesakan di yad kontena yang menyebabkan kadar produktiviti seluruh terminal menjadi rendah. Keadaan ini bertambah buruk apabila lori-lori haulier tiba serentak di pelabuhan terutamanya dari jam 11.00 pagi hingga 6.00 petang.

3. Sehubungan itu, pihak Northport telah merangka pelan bagi menangani isu kesesakan seperti berikut:

a. Pelan Jangka Pendek

- i. Kebenaran untuk kontena eksport dibawa masuk ke dalam terminal dibuat berdasarkan kepada *Estimated Time of Berthing (ETB)* dan bukan *Estimated Time Arrival (ETA)*. Ini bagi membolehkan haulier untuk membuat perancangan dengan lebih berkesan serta mengurangkan tempoh kontena berada di dalam pelabuhan (*dwell time*);

mengurangkan tempoh kontena berada di dalam pelabuhan (*dwell time*);

- ii. Bekerjasama dengan Syarikat Perkapalan untuk mempercepatkan pengendalian kontena eksport dan *transshipment* di pelabuhan;
- iii. Keutamaan untuk berlabuh diberikan kepada kapal yang mempunyai bilangan kontena muatan (*loading*) lebih daripada jumlah punggahan (*discharge*);
- iv. Bekerjasama dengan pihak Pengimport dan Syarikat Haulier bagi mempercepatkan penghantaran (*delivery*) kontena-kontena import keluar dari pelabuhan;
- v. Mengatur semula beberapa kawasan di dalam pelabuhan bagi menyediakan lebih ruang untuk operasi pengendalian kontena termasuk pengasingan bagi *long staying containers*;
- vi. Menguruskan *queue job* di dalam sistem Northport bagi memastikan penerimaan serta penghantaran kontena yang cepat dan tidak terganggu;
- vii. Membuka lebih banyak laluan masuk di get terutamanya pada waktu puncak bermula 25 Januari 2021;
- viii. Menyediakan laluan khas (*priority lane*) untuk kontena kosong serta treler kosong bagi mempercepatkan pengendalian kontena di get;
- ix. Menempatkan anggota-anggota keselamatan untuk mengawal lalu lintas serta mengurangkan kesesakan; dan
- x. Menggalakkan Syarikat Haulier, Pengimport dan Pengeksport untuk tiba di pelabuhan di luar waktu sibuk iaitu sebelum 11.00 pagi atau selepas 8.00 malam.

b. Pelan Jangka Sederhana

- i. Meningkatkan kapasiti dan keupayaan peralatan terminal bagi melancarkan operasi kontena di pelabuhan;
- ii. Melebarkan jalan masuk ke get; dan
- iii. Meningkatkan jumlah tenaga kerja tambahan pada waktu puncak bagi memastikan operasi pengendalian kontena di dermaga, yad dan get berjalan lancar.

c. Pelan Jangka Panjang

- i. Menambah kapasiti yad bagi menampung jumlah pengendalian kontena di pelabuhan; dan
- ii. Meningkatkan keupayaan sistem teknologi maklumat seperti Sistem Operasi Terminal.


4. Dengan pelaksanaan segera semua langkah-langkah di bawah Pelan Jangka Pendek, pihak Northport yakin bahawa kesesakan di yad kontena dijangka akan berkurangan sebanyak 20% di dalam tempoh dua (2) minggu.

5. Sehubungan itu, Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) dan pihak Northport akan terus komited untuk beroperasi dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua syarikat haulier bagi menyelesaikan masalah kesesakan ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(KAPT. K. SUBRAMANIAM)

Pengurus Besar

Lembaga Pelabuhan Kelang

Tel. : 03-3168 8358

Faks : 03-3168 7626

E-mel : subra@pka.gov.my

s.k.:

ENCIK C.Y. SOO

Presiden

Association of Malaysian Hauliers (AMH)

No. 88-B2 Lebuah Beringin

42000 PELABUHAN KLANG

Tel. : 03-3162 5656

Faks : 03-3162 5666

TUAN HAJI HISHAM BIN BAKAR

Pengerusi (PPKS)

No. 33A, Lorong Sultan Mohamed 1A,

Bandar Sultan Suleiman,

42000 PELABUHAN KLANG

YBHG. DATO' TONY CHIA

Presiden

Selangor Freight Forwarders and Logistics Association (SFFLA)

Wisma SFFLA

No. 23, Jalan Cemerlang

42000 PELABUHAN KLANG

Tel : 03-3168 4363

Fax : 03-3167 5243

EN. BENJAMIN KENG

Presiden

Malaysia Freight Forwarders Association (MAFFA)

The Landmark Building

No. 3A-13A Jalan Batu Nilam 16

Bandar Bukit Tinggi

41000 KLANG

Tel : 019-339 0970

Tel : 012-699 4988

YBHG. TAN SRI DATO' SOH THIAN LAI

Presiden

Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)

Wisma FMM, No. 3, Persiaran Dagang, PJU 9

Bandar Sri Damansara

52200 KUALA LUMOUR

Tel : 03-6286 7200

Faks : 03-6274 1266

EN. JACOB LEE CHOR KOK

Pengerusi

Cawangan Selangor

Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)

No. 34, Jalan Pekedai U1/36

Hicom-Glenmarie Industrial Park

40150 SHAH ALAM

Tel : 03-5569 2950

Faks : 03-5569 4346